

Tingkat penerangan Islam Hadhari: PM

Pelajar di luar negara boleh bantu perjas kepada masyarakat antarabangsa

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mahu penerangan berhubung Islam Hadhari dipertingkatkan, terutama kepada pelajar di luar negara supaya dapat dijelaskan kepada masyarakat antarabangsa yang semakin berminat dengan pendekatan itu.

Berucap menyampaikan amanat pada majlis Pidato Perdana Islam Hadhari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam tadi, Abdullah berkata, Islam Hadhari bukan saja diterima rakyat di negara ini tetapi juga masyarakat antarabangsa.

"Kita perlu jelaskan kepada pelajar

kita di luar negara supaya apabila ditanya mengenai Islam Hadhari, mereka dapat terangkan. Penerangan mengenai Islam Hadhari perlu ditingkatkan," katanya.

Abdullah berkata, beliau bersyukur kerana penerimaan masyarakat antarabangsa terhadap Islam Hadhari amat menggalakkan sehingga beliau sering kali diminta memberi penerangan ketika mengadakan lawatan ke luar negara.

Merujuk penerangan terbaru beliau mengenai Islam Hadhari kepada 11 eksekutif kanan syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Amerika Syarikat di Austin, Texas, minggu lalu, Perdana Menteri berkata, mereka mengakui baru memahami Islam adalah agama keamanan

dan kemajuan.

"Selepas saya memberi penerangan, tiba-tiba semua bertepuk secara spontan dan seorang daripada mereka bangun dan berkata ini idea dan penjelasan yang baik mengenai Islam dan saudara patut sebarkan idea ini," katanya.

Abdullah berkata, ketika di Amerika beliau juga ditemui seorang wartawan Australia yang menyatakan bahawa Islam Hadhari kini menjadi perbualan hangat di negaranya sejak penerangan ketika lawatannya ke sana awal bulan lalu.

Menceritakan sambutan di Australia, Perdana Menteri berkata, seorang imam masjid di sana meminta salinan teks ucapannya untuk tata-puan jemaah tetapi akhirnya terpaksa

mencetak berulang kali kerana mendapat permintaan penduduk setempat.

"Saya tanya siapa yang minta dan dia kata ramai bukan Islam yang minta," katanya.

Menyentuh majlis pidato itu, Abdullah berharap pidato kesemua 10 peserta peringkat akhir itu dibukukan sebagai risalah penerangan Islam Hadhari.

"Saya harap ketua penerangan Umno juga mengambil mereka untuk memberi penerangan mengenai Islam Hadhari," katanya.

Pidato itu dimenangi Syamsul Amri Ismail dari Negeri Sembilan manakala tempat kedua disandang Jaim Atoh dari Sabah dan ketiga, Saadiah Hussin dari Johor.

BSH - 10/5/2006